



Ruj. Kami : MDDM/PH/13/Jld. 6 (20)
Tarikh : 08 APRIL 2021

NOTIS PEMBERITAHUAN PEMBATALAN BAZAR RAMADAN 1442H (2021M)

Setelah mengambil kira perkembangan semasa berkaitan pandemik COVID-19 di Bahagian Mukah dan seluruh Sarawak, dukacita dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Dalat dan Mukah memutuskan untuk **membatalkan** penganjuran semua bentuk Bazar Ramadan di seluruh kawasan pentadbiran Majlis bagi tahun 2021 demi kepentingan awam.

Semua operasi perniagaan yang ditakrifkan sebagai Bazar Ramadan di **Mukah Food Street, Gerai Ruang Legar Medan Mall Mukah, Pasar Malam Dalat** dan semua lokasi yang dipohon oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau mana-mana organisasi yang berkepentingan **wajib ditutup** bagi tempoh **12 April 2021 – 12 Mei 2021**.


Semua pihak adalah diseru untuk berperanan menggalas tanggungjawab, berkomitmen yang tinggi dan bekerjasama penuh dengan Kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 dalam komuniti dengan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* dan arahan semasa tempoh Perintah Kawalan Bersyarat (PKPB) yang sedang dikuatkuasakan.

Sila ambil maklum akan notis pemberitahuan selanjutnya berkaitan operasi penjualan dari premis kediaman secara atas talian yang akan diumumkan kelak di dalam *website* rasmi Majlis di url: <https://mukah-dalatdc.sarawak.gov.my/>.

Semoga Bulan Ramadan Al Mubarak akan membawa keberkatan hidup, dimudahkan segala urusan, dimurahkan rezeki serta semua kita akan dijauhkan daripada segala bencana dan mudarat semasa pandemik COVID-19 ini. Sekian, terima kasih.

#KitaJagaKita #PatuhiSOP #CegahCOVID19 #JagaKebersihanDiri #KitaMestiMenang

“BERSATU, BERUSAHA, BERBAKTI”
“AN HONOUR TO SERVE”


.....
(YONG ING CHU)

Setiausaha
Majlis Daerah Dalat dan Mukah

Salinan kepada: Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Mukah

